

Model CKD 'The Boss'

BMW X5 xDrive45e M Sport
premium lengkap dengan ciri
keselamatan termaju



Oleh Mohd Zaky Zainuddin

zaky@bh.com.my

BMW Malaysia memperkenalkan model pemasangan tempatan (CKD) BMW X5 xDrive45e M Sport ke pasaran tempatan.

Model berkenaan bukan sahaja memperkayakan lagi iras menawan jentera SAV elektrik bertaraf premium, malah ciri keselamatan dan kebolehlihatannya bagi memastikan pengguna dapat terus berlapang dada.

BMW X5 xDrive45e M Sport baharu kini akan dilengkapi dengan *BMW Laserlight* untuk keupayaan pencahayaan yang lebih luas, meningkatkan daya kebolehlihatan di atas jalan raya demi keselamatan pemandu.

Lampu Hadapan Adaptif (*Adaptive Headlights*) dengan *BMW Selective Beam* dilengkapi dengan modul lampu puncak laser yang membekalkan intensiti cahaya bertahap lebih tinggi berbanding lampu dwi-LED.

Dari segi penambahbaikan ciri keselamatan, BMW X5 xDrive45e M Sport baharu juga akan menampilkan *Perlindungan Aktif (Active Protection)*, yang bakal menyaksikan dua lagi beg udara sisi dirangkumkan di baris kedua jentera ini, lantas menjadikan angka keseluruhan beg udara di dalam BMW X5 xDrive45e M Sport mencecah lapan unit.

Sekiranya kemalangan dijangka berlaku, fungsi *Perlindungan Aktif* tersebut akan menyediakan penumpang di dalam kabin untuk bersedia menghadapi pelanggaran.

Sebagai contoh, tingkap serta bumbung matahari akan tutup secara automatik untuk memastikan tahap keselamatan yang tertinggi buat semua penumpang.

Disamping itu, BMW X5 xDrive45e M Sport baharu juga dilengkapi dengan

prapenegang tali pinggang keledar boleh balik (*reversible seatbelt pre-tensioning*) di mana apabila tali pinggang keledar dipasang, motor elektrik akan mengetatkan tali keledar hingga ketegangan yang sesuai secara automatik, berdasarkan badan penumpang.

Akhir sekali, turut menambah gaya sensasi BMW X5 xDrive45e M Sport atau nama timangannya, *The Boss*, ialah roda aloi 741M bersaiz 21 inci dalam warna *Orbit Grey*.

The Boss masih akan hadir dengan *Live Cockpit Professional, Driving Assistant, Parking Assistant Plus, Rear Seat Entertainment*, serta *upholsteri* bermaterialkan kulit *Vernasca* tulen, menjulang ciri kemewahan SAV ini, diselaraskan dengan prestasi *sporty* yang tiada bandingan dalam segmennya.

Bagi memudahkan pembelian, 'Easy Drive Financing Plan' turut ditawarkan oleh BMW Group Financial Services Malaysia, di mana BMW X5 xDrive45e M Sport baharu boleh dimi-




BMW X5 xDrive45e M Sport kekal sebagai SAV 'The Boss' paling bergaya.

liki menerusi pelan ansuran bulanan yang bermula daripada RM4,882 (berdasarkan anggaran pinjaman sebanyak 80% bagi tempoh lima tahun).

Pemilik jentera BMW X5 xDrive45e M Sport terbaharu ini juga dapat menikmati *Pengalaman Pemilikan Premium* yang dijanjikan oleh BMW Group Malaysia, ia meliputi *Waranti Tanpa Had Perbatuan Bertempoh 5-Tahun* oleh BMW serta *Program Servis Ber-*

jadual Percuma; Bantuan Tepi Jalan dan Hotline Kemalangan oleh BMW; *Aplikasi Mudah Alih 'BMW Group Loyalty+' - BMW Privileges Card*; dan *Servis Dalam Talian BMW*.

Harga jualan bagi BMW X5 xDrive45e M Sport baharu dengan *Inklusif Servis dan Pembaikan BMW* serta *Cukai Jualan dan Perkhidmatan* (atas jalan, tanpa insurans) ialah **RM457,498.37**.



Model terbaharu ini bukan sekadar diperkayakan dengan iras menawan jentera SAV elektrik bertaraf premium.